

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
E.A TECHNIQUE (M) SDN BHD  
KUALA LUMPUR

OLEH

HASLINAH BINTI RASHID  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
(MARITIM)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA

JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA  
(KUSTEM)

2004

1100032944 dn: 1908

PERPUSTAKAAN  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
(KUSTEM)

Pengarang Hasunah binti Rashid		No. Panggilan Lp 2 PPE	
Judul Industri Di E.A. Technique (M) Sdn. Bhd.		2004	
Tarikh	Waktu Pemulangan	Nombor Ahli	Tanda tangan

an/1908

1100032944



LI 2 FPE 3 2004



1100032944

Laporan akhir latihan industri di E.A Technique (M) Sdn. Bhd /  
Haslinah Rashid.

**PERPUSTAKAAN**  
**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA**  
**21030 KUALA TERENGGANU**

1100032944		

Lihat sebelah

LI  
2  
FPE  
1  
2004

**HAK MILIK**  
**PERPUSTAKAAN KUSTEM**

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI  
DI E.A TECHNIQUE (M) SDN BHD  
KUALA LUMPUR  
(256516-W)

Disediakan oleh

HASLINAH BINTI RASHID  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
(MARITIM)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran  
**Fakulti Pengurusan dan Ekonomi**  
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)

2004

1100032944

## PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya **HASLINAH BINTI RASHID**, mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang di pelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan

---

**HASLINAH BINTI RASHID**

**30 SEPTEMBER 2004**

Disahkan oleh:



---

**En. Madzli Bin Hj Harun**

**Penyelia KUSTEM**

**b/p Pengerusi Latihan Industri**

**Fakulti Pengurusan dan Ekonomi**

**KUSTEM**

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Penyelia Industri iaitu En Madzli b. Hj Harun. Di atas segala tunjuk ajar yang diberikan sepanjang tempoh saya menjalani latihan industri. Selain itu, beliau juga banyak membantu saya sepanjang menyiapkan laporan akhir latihan industri serta sudi meluangkan masa memberi tunjuk ajar, panduan serta nasihat kepada saya semasa menyiapkan laporan latihan industri.

Di samping itu, saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ribuan terima kasih kepada pihak Syarikat E.A Technique (M) Sdn Bhd kerana memberi peluang kepada saya untuk menjalani Latihan Industri selama 12 minggu, bermula daripada 22 Mac -12 Jun 2004. Peluang yang julung-julung kali ini membolehkan saya mengaplikasikan semua teori yang dipelajari sepanjang tempoh praktikal. Sesungguhnya, pengalaman semasa menjalani latihan industri dapat mendedahkan saya kepada suasana kerja yang sebenar.

Tidak dilupakan juga, setinggi penghargaan saya ucapkan kepada Pengarah Urusan EA Technique Sdn Bhd, iaitu En Hak Bin Md Amin di atas kata-kata perangsang yang diberikan pada hari pertama bertugas sebagai pelatih. Pengarah Eksekutif yang juga merangkap penyelia industri iaitu Puan Hjh Hamidah Binti Omar, serta penyelia agensi kedua dan merangkap Pengurus E.A Technique Sdn Bhd iaitu En Zulkifli Md Amin di atas segala keterangan, panduan, nasihat dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang saya menjalani latihan industri.

Juga tidak ketinggalan, penghargaan ini saya ucapkan kepada semua kakitangan E.A Technique di atas segala tunjuk ajar dan panduan sepanjang saya menjalankan tugas yang diberikan, serta penyaluran informasi bagi membantu menyiapkan laporan akhir industri ini. Serta di atas segala keterangan yang diperolehi sepanjang menjalani latihan.

Penghargaan ini juga, saya tujukan kepada semua pihak yang terlibat dalam Urusetia Latihan Industri, di atas segala susah payah mereka dalam memastikan segala urusan penempatan latihan industri berjalan lancar. Kepada pembimbing siswa Tuan Hj Abdul Rahim di atas kata-kata nasihat yang diberikan, para pensyarah, dan rakan-rakan sekalian.

Akhir sekali, penghargaan yang tidak terhingga saya ucapkan kepada kedua ibubapa saya yang banyak meyakinkan saya agar menjadi pelatih yang terbaik. Walaupun tidak terbaik dikalangan pelajar KUSTEM, tetapi terbaik bagi diri sendiri. Serta abang saya, En Abu Nani Bin Rashid dan keluarga, yang sanggup bersusah payah menghantar dan menjemput saya sepanjang menjalani latihan industri. Pengorbanan masa dan tenaga kalian tidak dapat dinilai dengan wang ringgit mahupun emas permata. Terima kasih diatas segalanya.

## ISI KANDUNGAN

<u>PERKARA</u>	<u>MUKA SURAT</u>
PENGHARGAAN	ii-iii
PRAKATA	vi-viii
SENARAI RAJAH	viii
RINGKASAN EKSEKUTIF	ix
<b>BAB 1</b>	
1.0 LATAR BELAKANG SYARIKAT E.A TECHNIQUE (M) SDN BHD KUALA LUMPUR	1
1.1 LATAR BELAKANG	1
1.2 OBJEKTIF SYARIKAT	3
1.3 BILANGAN KAKITANGAN	4
1.4 MISI DAN VISI SYARIKAT	5
1.5 KEMUDAHAN DALAM PEJABAT	6
1.6 PROFIL ORGANISASI	7
1.6.1 FUNGSI DAN KEPENTINGAN BAHAGIAN KEWANGAN DAN PENTADBIRAN	8
1.6.2 FUNGSI DAN KEPENTINGAN BAHAGIAN PEMASARAN	9
1.6.3 FUNGSI DAN KEPENTINGAN BAHAGIAN OPERASI	10
1.7 MAKLUMAT ORGANISASI SYARIKAT	11



1.8	KEKUATAN ORGANISASI	13
1.9	KEMAHIRAN YANG PELATIH MAHU TUMPUKAN SEMASA LATIHAN	14

## **BAB 2**

2.0	MENGENALPASTI MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN	18
2.1	ANALISIS SISTEM KERJA DALAM SISTEM BELIAN ( <i>Purchasing Order</i> )	18
2.1.1	PENGENALAN	18
2.2	MENGENALPASTI MASALAH, PUNCA DAN KESAN	24
2.3	CADANGAN PENYELESAIAN DAN IMPLIKASI	31

## **BAB 3**

3.0	CADANGAN KESELURUHAN DAN PENUTUP LAPORAN LATIHAN INDUSTRI	34
3.1	CADANGAN KESELURUHAN	34
	<b>RUJUKAN</b>	<b>37</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>38</b>

## PRAKATA

Kursus Latihan Industri (PGN 4799) merupakan kursus wajib yang ditawarkan oleh Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia. Kursus ini ditawarkan kepada pelajar-pelajar tahun 3 sebagai syarat wajib bergraduat.

Kursus ini mengandungi 6 jam kredit dan tempoh menjalani kursus ini adalah sepanjang 12 minggu. Pelatih telah menjalani kursus ini bermula pada 22 Mac-12 Jun 2004. Pendedahan yang diterima oleh pelatih sepanjang menjalani kursus ini dapat mengukuhkan lagi asas teori yang ada pada diri pelatih di samping itu dapat mendedahkan pelatih persekitaran kerja yang sebenar.

Setiap pelatih industri dibekalkan bersama sebuah buku log untuk merekod segala aktiviti sepanjang latihan industri. Seminggu sekali buku log tersebut akan ditandatangani oleh penyelia industri agensi di mana pelatih ditempatkan. Apabila lawatan dibuat oleh penyelia industri KUSTEM, buku log tersebut akan disemak. Sepanjang temuramah oleh penyelia KUSTEM, pelatih akan menghuraikan segala penemuan sepanjang latihan industri.

Pembentangan latihan industri (*Presentation*) dilaksanakan selepas pelatih menamatkan latihan industri. Selepas pembentangan dan setelah melalui satu sesi perbincangan bersama penyelia KUSTEM, pelatih diminta

untuk menyiapkan laporan akhir latihan industri berdasarkan penemuan yang dibentangkan sewaktu sesi pembentangan. Laporan akhir latihan industri mengandungi penemuan permasalahan, kesan masalah, cadangan penyelesaian masalah dan kesan cadangan pada agensi.

Pelatih berjaya ditempatkan di Syarikat E.A Technique (M) Sdn Bhd, Kuala Lumpur. EA Technique merupakan antara syarikat pemilik kapal (*Shipowner*) yang mampu berkembang maju ke tahap global. Disiplin dan komitmen kerja yang kuat dalam persekitaran syarikat ini mengingatkan pelatih kepada budaya kerja masyarakat Jepun. Senario inilah yang menjadi antara faktor yang membanggakan pelatih sepanjang menjalani latihan industri di agensi ini.

## SENARAI RAJAH

### PERKARA

### MUKA SURAT

Rajah 2.1.1(i)	CARTA ALIRAN: SISTEM KERJA BAHAGIAN OPERASI	21
Rajah 2.1.1(ii)	CARTA ALIRAN: PROSES SELEPAS BELIAN	22

## RINGKASAN EKSEKUTIF

E.A Technique (M) Sdn Bhd (EAT) ditubuhkan pada Mei 1993. Beroperasi di lokasi Wisma Prima Peninsula, Taman Setiawangsa, Kuala Lumpur. Selain Kuala Lumpur, EAT juga mempunyai sebuah syarikat cawangan yang beroperasi di Gelang Patah, Johor. Disamping itu, EAT juga memiliki pegangan saham ke atas 5 buah syarikat yang menjalankan kegiatan yang berkait rapat antara satu sama lain. 5 buah syarikat yang dimaksudkan ialah Berkat Global Sdn Bhd, E.A Bunkering, Eagle Oil, Mutual Partners, dan PM Maintenance. Aktiviti asas EAT meliputi penyewaan kapal, khidmat rundingcara, penghantaran kargo, "Bunkering", "surveyor" dan membekalkan minyak untuk kapal (*Supply of Fuel*). Ahli Lembaga Pengarah EAT diterajui oleh barisan individu profesional yang mempunyai pengalaman dalam pelbagai bidang yang berkaitan dengan sektor maritim, kejuruteraan marin dan juga perniagaan. Sepanjang menjalani praktikal di agensi ini, pelatih ditempatkan di bahagian "*Fleet Operation*". Ketika berada dalam bahagian ini pelatih didedahkan dengan "*system Purchasing Order*", serta kerja-kerja lain yang dilakukan di dalam pejabat seperti menerima panggilan telefon, menghantar faks, sistem perfailan (*Filing System*) dan berhubung dengan pembekal. Sepanjang berada dalam bahagian ini, pelatih mengesan beberapa masalah khususnya yang melibatkan proses "*purchasing order*". Pada tarikh 10 Mei 2004, pelatih dipindahkan ke bahagian Kewangan dan Pentadbiran (*Finance and Admin*). Bahagian kewangan dan pentadbiran memdedahkan pelatih kerja-kerja asas seorang kerani akaun dan kerani pentadbir. Tugas yang pernah dilaksanakan di bahagian ini ialah "*Account balancing*", penyediaan TT (*Telegraf Transfer*), "*Draft Delivery*", proses penyediaan "*Bank Guarantee*" dan "*Petty cash Reimbursement*". Serta beberapa tugas yang melibatkan penyusunan dokumen di dalam fail. Tugas tersebut melibatkan dokumen seperti "*Payment Voucher*", "*Account Statement*", dan "*Creditor statement*". Selain itu melibatkan tugas-tugas lain seperti kerja fotokopi dokumen – dokumen penting dan sulit syarikat (*Confidential*). Melalui Laporan Industri ini pelatih dapat menerangkan beberapa masalah yang didapati sepanjang menjalani praktikal. Setiap permasalahan diikuti dengan cadangan penyelesaian serta impak daripada cadangan tersebut. Akhir sekali, diharapkan segala cadangan yang terkandung di dalam laporan ini sedikit sebanyak dapat memberi garis panduan untuk menangani permasalahan yang timbul. Sekaligus membantu syarikat untuk mewujudkan satu persekitaran kerja yang sistematik, teratur, dan tersusun. Dengan adanya persekitaran kerja yang sedemikian diharapkan ia dapat memudahkan lagi proses yang melibatkan urusniaga-urusniaga dalam syarikat, bukan setakat pada masa kini tetapi melibatkan kesan pada masa akan datang.